

# BULETIN INSTUN

INSTITUT TANAH DAN UKUR NEGARA  
KEMENTERIAN SUMBER ASLI, ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM

EDISI TERHAD / PERCUMA

BULANAN : EDISI JUN 2023

**PENAUNG:**  
Tuan Khairin Nazir bin Karim

**PENASIHAT:**  
Encik Khairil Akhtar bin Ghazali

**KETUA EDITOR:**  
Encik Abdul Rashid bin Omar

**REKAAN & GRAFIK:**  
Encik Wan Mohd Firdausz  
bin Wan Mohd Zahari

**SIDANG EDITORIAL:**  
UKP RND  
UKP BUP  
UKP BPPT  
UKP BTM  
PRO INSTUN

## Dari Ketua Editor

Syukur ke hadrat Ilahi, Buletin Bulan Jun 2023 berjaya diterbitkan. Antara tujuan utama penerbitan buletin ini adalah untuk melaporkan aktiviti-aktiviti yang telah dijalankan di INSTUN sepanjang bulan Jun. Ia juga adalah sebagai satu platform saluran maklumat yang boleh dikongsikan bersama tentang informasi aktiviti yang telah dilakukan selari dengan perancangan di dalam takwim INSTUN khususnya.

Diharapkan penerbitan buletin ini akan menjadi perangsang kepada semua pegawai, khususnya penyelaras yang melaksanakan aktiviti supaya menghantar laporan aktiviti kepada Penyelaras Buletin jabatan untuk dijadikan sebagai satu penerbitan. Tahniah sekali lagi kepada sidang editor buletin INSTUN pada kali ini. Diharapkan usaha ini dapat diteruskan pada masa yang akan datang.

Sekian, terima kasih.

 **Encik Abdul Rashid bin Omar**  
Ketua Sekjen Perhubungan Awam INSTUN

ISSN 2600-853X



## PENYERTAAN INSTUN DALAM SUKAN UKUR SE-MALAYSIA PESUMA-34 DI PAHANG

9 Hingga 12 Jun 2023 (Jumaat - Isnin)

Aktiviti : Pesta Sukan Ukur Se-Malaysia 34

Tarikh : 9 hingga 12 Jun 2023

Tempat : Universiti Islam Antarabangsa (UIA) Kuantan Pahang

Kontingen INSTUN seramai 95 orang telah menyertai Pesta Sukan Ukur Se-Malaysia (PESUMA) yang ke-34 anjuran Jabatan Ukur dan Pemetaan (JUPEM) Pahang. Pelbagai kejohanan sukan yang disertai dan Kontingen INSTUN telah berjaya mendapat Pingat Emas bagi acara Petanque. Manakala bagi acara Badminton, Tenis dan Bola Tampar Wanita masing-masing telah mendapat Pingat Gangsa.



# BAHAGIAN PENGURUSAN & PERUNDANGAN TANAH

BULANAN : EDISI JUN 2023



## LAPORAN BULETIN TL15/23

6 Hingga 8 Jun 2023 (Selasa - Khamis)

AKTIVITI	: Kursus Tatacara Siasatan Di Bawah Akta Pengambilan Tanah 1960
TARIKH	: 06 Jun 2023 – 08 Jun 2023
TEMPAT	: Pusat Kecemerlangan Pengurusan Tanah
PENCERAMAH	: Pn Norazila Binti Salleh, EN Azman Bin Mad Dali, En Khalek Bin Saad, En Huzaifah Bin Amnan, En Mohd Zoolhalmy Bin Razali Pn Siti Aminah Binti Samsuri (F)
RINGKASAN PROGRAM	: Kursus ini telah dihadiri seramai 13 orang terdiri daripada pegawai dan kakitangan pelbagai Kementerian/ Jabatan.

Kandungan kursus ini merangkumi tajuk berikut:

- Kuasa-Kuasa Siasatan Dalam Pengambilan Tanah
- Persediaan Sebelum Siasatan
- Tatacara Semasa Menjalankan Siasatan
- Laporan Penilaian JPPH
- Prosedur Selepas Siasatan
- Kajian Kes – Best Practices
- Latih Amal Siasatan Pengambilan Tanah
- Kes-Kes Mahkamah



## LAPORAN BULETIN TL17/23

13 Hingga 16 Jun 2023 (Selasa - Jumaat)

AKTIVITI	: Kursus Asas Pentadbiran Tanah Bilangan.2
TARIKH	: 13 Jun 2023 – 16 Jun 2023
TEMPAT	: Pusat Kecemerlangan Pengurusan Tanah
PENCERAMAH	: Pn Noranizawaty Binti Yusof, En Zahar Bin Sapar, En Abnorhady Bin Abu Bakar, En Khalek Bin Saad, En Suriady Suait En Mazlan Bin Mohd Daly, En Muhammad Haziq Syuwari Bin Mahazir
RINGKASAN PROGRAM	: Kursus ini telah dihadiri seramai 25 orang terdiri daripada pegawai dan kakitangan pelbagai Kementerian/ Jabatan.

Kandungan kursus ini merangkumi tajuk berikut:

- Sistem Pentadbiran dan Perundangan Tanah di Malaysia
- Pelupusan Tanah
- Bentuk-Bentuk Hakmilik, Klasifikasi, Kategori, Syarat dan Sekatan Kepentingan Urusniaga dan Halangan Urusniaga
- Pembangunan Tanah
- Pengenalan Kepada Akta Tanah (Kawasan-Kawasan Penempatan Berkelompok) 1960
- Pengurusan Harta Pusaka di Bawah Akta Harta Pusaka Kecil (Pembahagian) 1955
- Pengenalan Kepada Akta Pengambilan Tanah 1960
- Pengenalan Kepada Akta Hakmilik Strata 1985
- Pengenalan Kepada Akta Orang Asli 1954
- Pengenalan Kepada Enakmen Rizab Melayu





# BAHAGIAN PENGURUSAN & PERUNDANGAN TANAH

BULANAN : EDISI JUN 2023

## LAPORAN BULETIN TKE08/23

13 Jun 2023 (Selasa)

AKTIVITI	: Kursus Dalam Talian: Fahami Faraid (Kursus Pendek)
TARIKH	: 13 Jun 2023
TEMPAT	: Kursus Dalam Talian (Zoom Meeting)
PENCERAMAH	: Tn. Haji saifuldin Bin Aziz@ Abdul Aziz, UPP Klang
RINGKASAN PROGRAM	: Kursus ini telah dihadiri seramai 77 orang terdiri daripada pegawai dan kakitangan di pelbagai Kementerian/ Jabatan/ Agensi/ JKPTG/ PTG/ PDT (Terbuka). Objektif kursus adalah untuk meningkatkan pengetahuan dalam bidang pengurusan harta pusaka.



## LAPORAN BULETIN TL15/23

14 Jun 2023 (Rabu)

AKTIVITI	: Kursus Dalam Talian: Pelupusan Tanah
TARIKH	: 14 Jun 2023 (Rabu)
TEMPAT	: Dalam Talian
PENCERAMAH	: Encik Abnorhady Bin Abu Bakar : Encik Zahar Bin Sapar
RINGKASAN PROGRAM	: Kursus ini telah dihadiri seramai 47 orang terdiri daripada pegawai JKPTG, PTG, PTD dan pelbagai kementerian. Objektif kursus ini adalah untuk meningkatkan pengetahuan dan kefahaman peserta berkaitan pelupusan tanah di bawah Kanun Tanah Negara (KTN)

Kandungan Kursus:

1. Pemberimilikan
2. Perizaban dan Lesen Pendudukan Sementara
3. Permit Bahan Batuan, Lesen Yang Disatukan dan Permit Ruang Udara



# BAHAGIAN PENGURUSAN & PERUNDANGAN TANAH

BULANAN : EDISI JUN 2023



## LAPORAN BULETIN PROGRAM PERKONGSIAN ILMU BIL.2/2023

19 Jun 2023 (Selasa)

AKTIVITI : Perkongsian Hasil Kajian : Tanah Rizab Melayu Kini  
TARIKH : 19 Jun 2023  
TEMPAT : Secara Dalam Talian (Zoom Meeting)  
PENCERAMAH : Pn. Azrina Bt Azri  
Juruaudit  
Jabatan Audit Negara, Negeri Perak

RINGKASAN PROGRAM : Program ini telah dihadiri seramai 87 orang terdiri daripada pegawai dan kakitangan di BPPT, INSTUN/ Pejabat Tanah dan Galian (PTG)/ Pejabat Tanah dan Daerah (PTD) dan Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian (JKPTG). Program ini berbentuk perkongsian yang bertujuan untuk memberikan pendedahan dan kefahaman berkaitan hasil kajian: Tanah Rizab Melayu Kini.



## LAPORAN BULETIN JEMPUTAN CERAMAH LUAR ANJURAN MAJLIS AMANAH RAKYAT (MARA)

19 Hingga 21 Jun 2023 (Isnin - Rabu)

AKTIVITI : Kursus Sijil Pentadbiran Tanah Kepada Pegawai-Pegawai Majlis Amanah Rakyat (MARA) Modul I  
TARIKH : 19 hingga 21 Jun 2023  
TEMPAT : AnCasa Hotel Kuala Lumpur  
PENCERAMAH : Encik Rosdi bin Mohd Yaacob  
: Encik Zahar bin Sapar

RINGKASAN PROGRAM : Kursus ini telah dihadiri oleh pegawai-pegawai MARA secara bermodul bermula pada Januari 2023. Kursus ini dibahagikan kepada kepada empat (4) modul dan peserta yang berjaya melengkapkan kesemua empat (4) modul Kursus SPT dan memenuhi setiap keperluan yang ditetapkan dalam terma rujukan ini akan diperakui oleh Jawatankuasa Pensijilan INSTUN dan dianugerahkan Sijil SPT.

Objektif pengajuran kursus ini adalah untuk:

1. meningkatkan kompetensi, ilmu pegawai- pegawai MARA dalam undang-undang berkaitan pentadbiran tanah;
2. meningkatkan ilmu dan pengetahuan peserta berkaitan prosedur kerja berkaitan bidang petadbiran tanah; dan
3. membangunkan kumpulan kepakaran dan pakar rujuk dalam bidang pentadbiran tanah di kalangan pegawai- pegawai MARA.



# BAHAGIAN PENGURUSAN & PERUNDANGAN TANAH



BULANAN : EDISI JUN 2023

## LAPORAN BULETIN TL13/23

20 Hingga 22 Jun 2023 (Selasa - Khamis)

AKTIVITI	: KURSUS HAKMILIK STRATA
TARIKH	: 20 – 22 JUN 2023
TEMPAT	: PUSAT KECEMERLANGAN PENGURUSAN TANAH
RINGKASAN PROGRAM	: Kursus ini telah dihadiri seramai 19 orang dari pelbagai kementerian, Jabatan, Agensi Pentadbiran Tanah pelbagai negeri di Semenanjung Malaysia.
OBJEKTIF KURSUS	: Memberi pengetahuan dan kemahiran berkaitan aspek pengurusan hakmilik strata. Penceramah jemputan En Haziq Syuwari bin Mahazir, En Farhan bin Hassan dan En Che Adzhan bin Che Adnan.



## “SEMBANG TANAH 11”

27 Jun 2023 (Selasa)

AKTIVITI	: “Sembang Tanah 11”
TARIKH	: 27 Jun 2023
TEMPAT	: Bilik Studio, Perpustakaan INSTUN
RINGKASAN PROGRAM	: Sembang Tanah 11 kali ini menampilkan panel yang dihormati Encik Zahar bin Sapar dan moderator Encik Nasrul Izani bin Ramli dengan perkongsian yang bertajuk “Pecah Sempadan vs Pecah Bahagian”.

Moderator membuka bicara dengan soalan yang pertama iaitu berkenaan penerangan tentang konsep pecah sempadan. Panel menjelaskan bahawa pecah sempadan (*sub-devide*) sepetimana yang diperuntukkan di bawah seksyen 135 KTN adalah Tanah berimilik (*Alianted Land*) yang dipecah-sempadan kepada dua bahagian (*portions*) atau lebih untuk dipegang oleh tuanpunya atau tuanpunya-tuanpunya tanah yang sama di bawah hakmilik yang berasingan.



Selain itu, soalan yang dikupas oleh panel adalah berkenaan syarat-syarat yang menyentuh berkaitan hakmilik dan apakah semua tuan punya tanah boleh memohon pecah sempadan juga pecah bahagian ini? Di sini panel menerangkan bahawa tuan tanah boleh membuat permohonan. Berdasarkan seksyen 92 KTN, hak tuan tanah untuk memecah sempadan, bahagian dan penyatuan tanah mereka dengan memenuhi syarat-syarat permohonan dan kelulusan. Bagi hakmilik mestilah hakmilik tetap (yang telah diukur halus oleh JUPEM) samada hakmilik Pejabat Tanah atau hak milik Pejabat Pendaftar iaitu PM, GM, PN dan GN.

Oleh itu, panel turut kongsikan kepada orang awam tentang syarat-syarat permohonan bagi pecah sempadan dan pecah bahagian seperti dalam gambarajah berikut:

### Syarat Permohonan

Pecah Sempadan	Pecah Bahagian
Borang 9A Kamu Tanah Negara	Borang 9B Kamu Tanah Negara
Fee permohonan berdasarkan Kaedah Tanah Negeri-Negeri	
Pelan pra hitungan butir-butir terperinci pecah sempadan	Pelan tanah berikala yang dimaklum PT mempunyai butir-butir pecah bahagian
• kelulusan pihak berkuasa perancang meroduit consen dari mana-mana badan/pihak berkuasa	kelulusan pihak berkuasa perancang
Ketizman berlaku:	<ul style="list-style-type: none"><li>• pemegang gadai</li><li>• pajakan keseluruhan atau sebahagian gadai kepada pajakan</li><li>• lian ke atas tanah/pajakan</li><li>• Tuanpunya bersama yang tidak menyertai (kecuali S.141A)</li></ul>
Sokongan dari Lembaga Tanah Ladang	-



Semoga perkongsian ini memberi manfaat kepada kita semua dan berjumpa lagi di Live Sembang Tanah seterusnya.

# BAHAGIAN UKUR DAN PEMETAAN

BULANAN : EDISI JUN 2023



## SEMINAR PEMETAAN UTILITI BAWAH TANAH 2023 (UMAS)

1 Jun 2023 (Khamis)

AKTIVITI : SEMINAR PEMETAAN UTILITI BAWAH TANAH 2023 (UMAS)

TARIKH : 1 Jun 2023 / 12 Zulkaedah 1444H

RINGKASAN PROGRAM :

Bertempat di hotel Mardhiyyah, Shah Alam suatu seminar Pemetaan Utiliti Bawah Tanah telah dianjurkan oleh Bahagian Ukur dan Pemetaan, Institut Tanah dan Ukur Negara. Isu-isu kontemporari berhubung tajuk seminar telah dibentangkan oleh lima (5) orang pembentang yang mempunyai kepakaran dalam bidang masing-masing.

Seminar tersebut telah dihadiri dan dirasmikan oleh YBrs. Tuan Abdul Wahid bin Abu Salim, Timbalan Ketua Setiausaha (Sumber Asli) kementerian Sumber Asli, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim (NRECC). Turut sama ialah Tuan Sr Hazri bin Hassan, Timbalan Ketua Pengarah Ukur dan Pemetaan II, Jabatan Ukur dan Pemetaan Malaysia (JUPEM) juga salah seorang pembentang kertas kerja bagi seminar yang dianjurkan ini.

Pembentang lain ialah Sr Hj. Amirudin bin Arifin, Presiden Persatuan Pemetaan Utiliti Kompeten Malaysia (UMAP Malaysia), Sr Dr Mimi Diana binti Ghazali, Pensyarah Kanan, Kolej Pengajian Alam Bina, Universiti Teknologi MARA (UiTM), Sr Hj. Ezam bin Ariffin, Naib Presiden Persatuan Juruukur Tanah Bertauliah Malaysia (PEJUTA) dan Sr Mohd Riza bin Halim, pengarah Ukur Seksyen, Jabatan Ukur dan Pemetaan Malaysia (JUPEM).

Seminar yang dihadiri oleh pelbagai jabatan dan agensi serta daripada pihak swasta ini telah berlangsung selama satu hari dan pelbagai maklumat telah dapat dikongsikan melalui sesi soal jawab di akhir program. Kami di Bahagian Ukur dan Pemetaan INSTUN mengucapkan terima kasih kepada semua pembentang serta hadirin yang menyertai seminar ini juga tidak dilupakan kepada warga INSTUN yang telah menyokong dalam gerak kerja penganjuran UMAS 2023 ini.



## PROGRAM CERAPAN ANAK BULAN BAGI PENENTUAN BULAN ZULHIJJAH 1444H

18 Jun 2023 (Ahad)

AKTIVITI : PROGRAM CERAPAN ANAK BULAN BAGI PENENTUAN BULAN ZULHIJJAH 1444H

TARIKH: 18 Jun 2023 / 29 Zulkaedah 1444H

RINGKASAN PROGRAM:

Peristiwa pengorbanan Nabi Ibrahim A.S dalam melaksanakan perintah Allah supaya menyembelih anak lelakinya Nabi Ismail A.S menjadi titik mula kepada Sambutan Aidiladha atau Hari Raya qurban kepada umat islam di seluruh dunia.

Bertempat di Pusat Baitul Hilal Pasir Panjang, Segari, Manjung Perak telah berlangsungnya program di bawah seliaan Jabatan Mufti Negeri Perak yang turut dihadiri oleh Orang Besar Daerah, Timbalan Pengarah Ukur 1 Jabatan Ukur dan Pemetaan Malaysia (JUPEM) Perak, pegawai-pegawai kerajaan serta golongan pelajar tempatan. Matlamat program adalah untuk melakukan cerapan hilal bagi penentuan bulan zulhijjah iaitu antara bulan penting bagi umat islam.

Program sehari ini berakhir dengan pengesahan anak bulan tidak kelihatan di pusat berkenaan dan pemakluman kepada Penyimpan Mohor Besar Raja-Raja Melayu telah disampaikan oleh Mufti Negeri Perak, SS Dato' Hj Wan Zahidi bin Wan Teh melalui panggilan telefon di situ.





# BAHAGIAN UKUR DAN PEMETAAN

BULANAN : EDISI JUN 2023

## KURSUS MUKHTASAR ILMU FALAK

20 Hingga 22 Jun 2023 (Selasa - Khamis)

AKTIVITI : KURSUS MUKHTASAR ILMU FALAK

TARIKH: 20 - 22 Jun 2023 / 03 Zulhijjah 1444H

RINGKASAN PROGRAM:

Kursus ini melibatkan seramai 25 orang peserta yang terdiri daripada pelbagai kementerian, jabatan kerajaan dan universiti tempatan. Teori dan praktikal berkenaan ilmu falak telah dikendalikan oleh penceramah jemputan daripada Jabatan Mufti Negeri Perak serta Jabatan Ukur dan Pemetaan Malaysia.

Modul yang terlibat adalah:

- i) Pengiraan waktu solat, pendedahan sistem suria dan operasi kerja peralatan teleskop.
- ii) Pelaksanaan amali dalam menentukan arah kiblat.

Melalui penglibatan peserta dalam kursus ini diharapkan akan melengkapkan lagi pengetahuan dan pemahaman berkenaan asas-asas falak kepada mereka seraya menyumbang ke arah perkembangan ilmu pengetahuan berkaitan dalam kalangan masyarakat Malaysia.



## KURSUS PENGENALAN KEPADA TEKNOLOGI LIGHT DETECTION AND RANGING (LiDAR)

13 Hingga 15 Jun 2023 (Selasa - Khamis)

AKTIVITI : KURSUS PENGENALAN KEPADA TEKNOLOGI LIGHT DETECTION AND RANGING (LiDAR)

TARIKH : 13 - 15 Jun 2023/26 Zulkaedah 1444H

RINGKASAN PROGRAM :

Kursus ini dijalankan di Pusat Kecemerlangan Ukur Pemetaan Institut Tanah dan Ukur Negara (INSTUN) selama tiga (3) hari dan peserta terlibat adalah dalam kalangan pelbagai Kementerian serta agensi. Penglibatan peserta ialah seramai 13 individu.

Pada kursus tersebut beberapa modul telah disampaikan oleh beberapa orang penceramah dalam dan jemputan seperti pengenalan kepada LiDAR, Sumber data, pemprosesan awal, pelarasan titik kawal, pemprosesan data ketinggian daripada LiDAR juga aplikasi data LiDAR dalam penggunaan dan operasi kerja.

Kesemua peserta program telah memanfaatkan peluang menghadiri kursus ini bagi mendapatkan pengetahuan berkenaan aspek-aspek dan peluang yang boleh digunakan untuk menyempurnakan keperluan kerja masing-masing terutama yang melibatkan perolehan data.

Diharapkan segala penyampaian ilmu sepanjang berkursus di INSTUN akan memberikan lebih pengetahuan juga manfaat kepada semua yang terlibat.



# BAHAGIAN TEKNOLOGI MAKLUMAT

BULANAN : EDISI JUN 2023



## KURSUS DALAM TALIAN: PEMBANGUNAN CONTENT KREATIF (CAPCUT)

13 Jun 2023 (Selasa)

Tajuk : Kursus Dalam Talian: Pembangunan Content Kreatif (CapCut)

Tarikh : 13 Jun 2023

Lokasi : Pusat Kecemerlangan Multimedia, Blok Akademi B, INSTUN

Penglibatan : 20 orang peserta


Ringkasan Program :

Kursus Dalam Talian: Pembangunan Content Kreatif (Cap Cut) merupakan salah satu kursus anjuran Bahagian Teknologi Maklumat (BTM) yang terdapat dalam perancangan takwim latihan INSTUN bagi tahun 2023 di bawah kategori Asas Penerbitan Video.

Kursus ini telah melibatkan seramai 78 orang peserta berdaftar dari pelbagai Jabatan/Agenzia Kerajaan, Badan Berkanun dan Syarikat Swasta. Mereka telah memberikan sepenuh komitmen dan menunjukkan kesungguhan yang tinggi dari awal kursus berlangsung sehingga kursus tamat. Kursus ini dilaksanakan sepenuhnya secara langsung (*live*) menerusi aplikasi Zoom yang melibatkan penyampaian teori secara ceramah dan latih amal (*hands-on lab*) yang turut disertai oleh semua peserta dengan bimbingan penceramah secara dalam talian.

Objektif kursus ini adalah supaya peserta dapat mempelajari asas penggunaan aplikasi Cap Cut, teknik penggunaan tools dan features di dalam Cap Cut serta dapat menghasilkan sebuah content video.

Tahniah dan syabas serta ribuan terima kasih diucapkan kepada penceramah jemputan, Encik Syamiroul Azizi Bin Samsuri daripada Whathefoo Creative Solutions, Urus Setia dari Bahagian Teknologi Maklumat INSTUN serta semua peserta kursus yang telah menjayakan kursus ini.





# BAHAGIAN TEKNOLOGI MAKLUMAT

BULANAN : EDISI JUN 2023

## KURSUS PENSIJILAN ISO / IEC 27001:2022 INFORMATION SECURITY MANAGEMENT SYSTEM (ISMS) : KEPERLUAN BAHRU

13 Hingga 15 Jun 2023 (Selasa - Khamis)

Tajuk : TM08/23: KURSUS PENSIJILAN ISO / IEC 27001:2022 INFORMATION SECURITY MANAGEMENT SYSTEM (ISMS): KEPERLUAN BAHRU


Tarikh : 13-15 Jun 2023

Lokasi : Pusat Kecemerlangan Multimedia, Blok Akademi B, INSTUN

Penglibatan : 20 orang peserta

### Ringkasan Program :

Kursus yang dihadiri seramai 20 orang peserta terdiri daripada Pegawai dan kakitangan di pelbagai kementerian/ jabatan/ agensi/ badan berkanun/ syarikat berkaitan kerajaan (GLC) dan sektor swasta. Objektif kursus ini ialah untuk menerangkan keperluan standard Pengurusan Sistem Keselamatan Maklumat (ISMS), ISO/IEC 27001:2022 dengan betul dan mengaplikasikan Pengurusan Sistem Keselamatan Maklumat (ISMS) dalam organisasi dengan betul.



# BAHAGIAN TEKNOLOGI MAKLUMAT

BULANAN : EDISI JUN 2023



## KURSUS WEB DEVELOPMENT (JOOMLA) ASAS

20 Hingga 22 Jun 2023 (Selasa - Khamis)

Tajuk : Kursus Web Development (Joomla) Asas (TM11/23)

Tarikh : 20 - 22 Jun 2023 (Selasa-Khamis)

Lokasi : Pusat Kecemerlangan TM1, Blok Akademik B

Penglibatan : 23 orang peserta

### Ringkasan Program :

Kursus Web Development (Joomla) Asas (TM11/23) merupakan salah satu kursus anjuran Institut Tanah dan Ukur Negara (INSTUN) yang terdapat dalam perancangan takwim latihan INSTUN bagi tahun 2023. Kursus ini dilaksanakan selama dua (3) hari, iaitu pada 20 sehingga 22 Jun 2023.

Kursus ini telah melibatkan seramai 23 orang peserta berdaftar yang melibatkan Pegawai Dan Kakitangan Di Pelbagai Kementerian/ Jabatan/ Agensi/ Badan Berkanun/ Syarikat Berkaitan Kerajaan (GLC) dan Sektor Swasta. Terbuka Kepada Semua Skim. Mereka telah memberikan sepenuh komitmen dan menunjukkan kesungguhan yang tinggi dari awal kursus berlangsung sehingga kursus tamat. Kursus ini dilaksanakan sepenuhnya secara bersemuka di Pusat kecemerlangan TM 1, Blok Akademik B yang melibatkan penyampaian teori secara ceramah dan latih amal (*hands-on lab*) yang turut disertai oleh semua peserta dengan bimbingan Penceramah.

Objektif kursus ini adalah untuk mempelajari konsep pengaturcaraan perisian open source serta konfigurasi pangkalan data. Di samping itu ia memberi pendedahan dan penggunaan teknik-teknik pembangunan laman web Joomla yang efektif dan berkesan. Seterusnya untuk meningkatkan pengetahuan dan kemahiran pembangun atau pentadbir laman web menggunakan tools yang terdapat dalam Joomla.

Tahniah dan syabas serta ribuan terima kasih diucapkan kepada penceramah dari INSTUN, Puan Nor Adila binti Rahmad dan Puan Hajah Syazleena binti Haji Yahya, barisan Urus Setia dari Bahagian Teknologi Maklumat INSTUN serta semua peserta kursus yang telah menjayakan kursus ini.





# BAHAGIAN PENYELIDIKAN DAN PEMBANGUNAN

BULANAN : EDISI JUN 2023

## AUDIT PEMANTAUAN 2 (SURVEILLANCE AUDIT 2) SIRIM BAGI MS ISO 9001:2015 INSTUN

19 Hingga 20 Jun 2023 (Isnin - Selasa)

Tarikh : 19 & 20 Jun 2023

Tempat : Bilik Mesyuarat Persidangan, INSTUN

Sesi AUDIT PEMANTAUAN 2 (SURVEILLANCE AUDIT 2) SIRIM BAGI MS ISO 9001:2015 INSTUN telah dijalankan sepanjang dua hari iaitu pada 19 & 20 Jun 2023. Sesi pengauditan pada kali ini telah dibuat oleh Puan Maznah binti Mat Isa, Auditor dari SIRIM QAS International Sdn Bhd.

Skop audit ini merangkumi Audit Dalaman INSTUN 2023, Pengurusan Sumber Maklumat, aduan dan latihan yang dijalankan oleh Bahagian Ukur dan Pemetaan (BUP) dan Bahagian Pengurusan dan Perundangan Tanah (BPPT). Semasa sesi audit, teknik pensampelan telah digunakan dan Auditor telah menemubual Auditee secara bersemuka berkenaan kaedah akses borang latihan.

Sesi pembukaan audit telah dipengerusikan oleh Ketua Bahagian Penyelidikan dan Pembangunan (BPP), Encik Khairil Akhtar bin Ghazali selaku Wakil Pengurusan. Mesyuarat Penutup sesi audit telah diadakan di Bilik Mesyuarat Persidangan Anjung INSTUN yang dipengerusikan oleh Tuan Pengarah INSTUN dan turut dihadiri oleh Ketua-ketua Bahagian, Unit Khidmat Pengurusan (UKP), Unit Pengurusan Latihan (UPL) dan Pasukan Audit Dalaman untuk sesi bertukar pandangan mengenai peluang atau tindakan penambahaikan yang boleh diambil.

Sekalung tahniah diucapkan kepada INSTUN kerana hanya **empat (4) Opportunity for Improvement (OFI)** yang telah dikenalpasti untuk tindakan penambahaikan Yang boleh diambil oleh pihak INSTUN. Dengan ini, penghargaan turut ditujukan kepada Tuan Pengarah INSTUN, wakil pengurusan dan pegawai-pegawai yang terlibat secara langsung atau tidak langsung sepanjang sesi audit ini.



# BAHAGIAN PENYELIDIKAN DAN PEMBANGUNAN



BULANAN : EDISI JUN 2023

## PERBINCANGAN BERSAMA RSOG BAGI PEMBANGUNAN DASAR LATIHAN SEKTOR TANAH, UKUR DAN GEOSPATIAL NEGARA

21 Jun 2023 (Rabu)

Tarikh : 21 Jun 2023

Tempat : RSOG, Cyberjaya

Bahagian Penyelidikan dan Pembangunan (BPP) INSTUN telah menyelaras satu perbincangan bagi mendapatkan khidmat nasihat daripada Razak Schoool of Government (RSOG) bagi pembangunan Dasar Latihan Sektor Tanah, Ukur dan Geospatial Negara (STUGN).

Perbincangan telah dipengerusikan oleh Ketua Pegawai Eksekutif RSOG iaitu Dr. Hj. Mohamad Kamal Hj. Harun dan delegasi INSTUN telah diketuai oleh Pengarah INSTUN, Tuan Khairin Nazry bin Karim. Perbincangan turut disertai oleh pegawai-pegawai berkaitan pembangunan dasar dari kedua-dua belah pihak.

RSOG merupakan pusat pembangunan kepimpinan dan dasar khususnya yang melibatkan dasar sektor awam. Justeru, dalam pembangunan Dasar Latihan STUGN ini, INSTUN amat berbesar hati RSOG dapat menerima kunjungan INSTUN bagi mendapatkan nasihat untuk memantapkan lagi dasar dalam aspek kandungan dan penulisan.

Perbincangan dilihat sebagai satu kejayaan bagi mengukuhkan lagi hubungan antara RSOG dan INSTUN. INSTUN merakamkan setinggi-tinggi penghargaan atas kerjasama yang diberikan.



### MESYUARAT JAWATANKUASA AKAUN AMANAH INSTUN BILANGAN 1 TAHUN 2023

20 Jun 2023 (Selasa)

Mesyuarat Jawatankuasa Akaun Amanah INSTUN Bilangan 1 Tahun 2023 telah dilaksanakan pada 20 Jun 2023 yang telah dipengerusikan oleh Timbalan Ketua Setiausaha (Sumber Asli) NRECC. Mesyuarat ini adalah selaras dengan pekeliling WP10.4 mesyuarat perlu dilaksanakan sekurang kurangnya dua (2) kali setahun dan korum mesyuarat seperti dinyatakan dalam arahan amanah. Mesyuarat ini telah membincangkan pelaporan program yang telah dilaksanakan oleh pihak INSTUN serta pindaan Akaun Amanah INSTUN.



### MESYUARAT SESI PEMERIKSAAN BAJET TAHUN 2024

21 Jun 2023 (Rabu)

Tarikh : 21 Jun 2023

Masa : 10.00 Pagi

Tempat : Bilik Mesyuarat Amik, Aras 14, Wisma Sumber Asli, NRECC

Nama Mesyuarat : Sesi Pemeriksaan Bajet Tahun 2024 Kementerian Sumber Asli, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim (NRECC) bersama Kementerian Kewangan (MOF)

Objektif : Mesyuarat ini melibatkan jabatan di bawah NRECC bagi Sesi semakan permohonan bajet Tahun 2024. INSTUN telah memohon peruntukan di bawah Dasar Sedia Ada dan Dasar Baharu



# Tahukah Anda

## Dimanakah INSTUN dan Cara Memohon Kursus Online



## PERMOHONAN KURSUS ONLINE (eSPEK)

### CARA MEMOHON

Permohonan boleh dibuat melalui dua cara iaitu secara online melalui eSPEK (Sistem Pengurusan Kursus INSTUN) atau dengan mengisi borang permohonan kursus APD (U-04) yang boleh diperolehi dengan melayari laman web INSTUN atau di Pejabat INSTUN.

#### Pengarah

Institut Tanah dan Ukur Negara  
Kementerian Sumber Asli, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim  
Behrang Ulu, 35950 Tanjung Malim, Perak Darul Ridzuan

Tel : +605-454 2825 Faks : 05-454 2837

Laman Web : [www.instun.gov.my](http://www.instun.gov.my)

#### Tarikh Tutup Permohonan :

Dua (2) minggu (hari bekerja) sebelum tarikh kursus dijalankan.

#### Penginapan dan Makan Minum Semasa Berkursus :

Kemudahan penginapan dan makan minum disediakan kepada semua peserta kursus yang layak.

## PERMOHONAN KURSUS ONLINE (eSPEK)

### 1 Pendaftaran Akaun Baru

- Taip url [espek.instun.gov.my](http://espek.instun.gov.my).
- Klik pada link Pertama Kali Mendaftar.
- Isi borang dan klik butang Daftar. Permohonan akan aktif setelah pengesahan dibuat oleh Pentadbir Sistem eSPEK.

### 2 Daftar Masuk Ke Sistem

- Isikan ruangan No. Kad Pengenalan dan Kata Laluan yang telah didaftarkan.
- Klik butang Log Masuk.

### 3 Lupa Kata Laluan

- Pada muka hadapan sistem klik hyperlink Lupa Kata Laluan.
- Isikan ruangan No. KP dan klik butang Hantar Kata Laluan.
- Sistem akan hantar emel yang mengandungi hyperlink untuk pengguna menukar kata laluan.

### 4 Carian Kursus

- Isikan ruangan "Nama Kursus", "Kod Kursus" atau "Tarikh Mula Kursus".
- Klik butang Cari.

### 5 Senarai Kursus

- Pada dropdown menu "Senarai" pilih Bahagian dan pilih Bulan. Sistem akan paparkan senarai kursus tahun 2020.
- Pada senarai nama kursus klik butang kanan mouse dan akan keluar butang berikut:
  - Lihat – untuk melihat maklumat terperinci kursus.
  - Mohon – untuk memohon kursus.
  - Setelah klik butang mohon, isi borang permohonan tersebut dan klik butang Hantar.

### 6 Kalendar Kursus

- Pada dropdown menu, pilih "Tahun" dan "Bahagian".  
Klik butang cari.

### 7 Status Permohonan

- Pada status permohonan, ia akan paparkan senarai kursus yang pernah dipohon oleh pengguna berserta dengan status permohonan.
- Klik pada senarai nama kursus dan akan keluar butang berikut:
  - Lihat Permohonan – untuk melihat semula borang permohonan yang telah diisi dan boleh dikemaskini.
  - Kemaskini Permohonan – untuk mengemaskini maklumat di dalam borang.
  - Batal Permohonan – untuk membatalkan permohonan kursus. Butang ini hanya aktif bagi status "Dalam Proses" sahaja.

### 8 Pengesahan Kehadiran

- Pada pengesahan kehadiran, ia akan paparkan senarai kursus yang statusnya "Dipilih" sahaja.
- Klik butang kanan tetikus dan ia akan paparkan pilihan berikut:
  - Lihat Permohonan – untuk melihat semula borang permohonan yang telah diisi dan boleh dikemaskini.
  - Pengesahan Kehadiran – untuk membuat pengesahan samada hadir, tidak hadir dan tidak hadir dengan pengganti.
  - Cetak Surat Tawaran – untuk mencetak surat tawaran yang telah dijana oleh penyelaras kursus.
  - Lihat Content Base Training – untuk melihat nota interaktif berkaitan kursus
- Klik pada pilihan Pengesahan Kehadiran dan borang pengesahan kehadiran akan dipaparkan. Pilih samada "Hadir", "Tidak Hadir" atau "Tidak Hadir Dengan Pengganti". Isikan butiran yang diperlukan dan klik butang simpan.

### 9 Surat Tawaran

- Klik butang kanan tetikus, ia akan paparkan butang Cetak Surat Tawaran. Surat tawaran hanya boleh dicetak sekiranya telah dijana oleh penyelaras kursus.

### 10 Kursus Semasa

- Klik butang kanan tetikus pada senarai kursus semasa (kursus yang sedang diikuti pada tarikh semasa), ia akan paparkan tiga butang berikut:
  - Lihat Borang Permohonan – untuk melihat / mengemaskini borang permohonan
  - Penilaian – untuk mengisi borang penilaian kursus
  - Ujian – untuk menjawab soalan ujian yang telah dimasukkan oleh Penyelaras Kursus.

### 11 Rekod Kursus

- Menu ini akan memaparkan rekod kursus yang pernah dipohon oleh pengguna. Klik butang kanan tetikus pada senarai kursus, akan paparkan butang berikut:
  - Lihat Borang Permohonan – untuk lihat borang permohonan
  - Rekod kehadiran – untuk melihat rekod kehadiran kursus
  - Lihat Jawapan Ujian – untuk menyemak semula jawapan ujian yang telah dijawab.

### 12 Pengumuman / Berita

- Individu – Pengumuman / Berita daripada pentadbir sistem kepada individu
- Kursus – Pengumuman / Berita daripada pentadbir sistem kepada peserta - peserta bagi satu kumpulan kursus
- Umum – Pengumuman / Berita daripada pentadbir sistem kepada semua pengguna eSPEK.

### 13 Lihat Profil

- Untuk melihat / mengemaskini profil peribadi.